

Bil. S 8

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2006**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PERLEMBAGAAN TRIBUNAL**

3. Penubuhan tribunal.
4. Lantikan dan kelayakan adjudikator.

**BAHAGIAN III**

**BIDANG KUASA**

5. Bidang kuasa tribunal.
6. Pengecualian bidang kuasa lain.
7. Pemindahan tuntutan.
8. Tuntutan tidak boleh dibahagikan.
9. Pengguguran sebahagian tuntutan untuk memberi bidang kuasa kepada tribunal.
10. Bidang kuasa tentang tuntutan balas.
11. Kos dalam kes yang dipindahkan.

12. Tugas-tugas tribunal.

#### **BAHAGIAN IV**

##### **PERMULAAN PROSIDING**

13. Pejabat pendaftaran.
14. Lantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pegawai lain.
15. Memfailkan tuntutan.
16. Isi kandungan tuntutan.
17. Kuasa-kuasa Pendaftar.
18. Perundingan di hadapan Pendaftar dengan cara elektronik.
19. Penyampaian tuntutan dan notis pendengaran.
20. Tuntutan boleh diakui melalui telefon atau secara bertulis.
21. Pihak-pihak.

#### **BAHAGIAN V**

##### **PROSEDUR**

22. Menyimpan ringkasan keterangan dll.
23. Pendengaran hendaklah secara tidak formal.
24. Hak untuk didengar.
25. Pemutusan tuntutan.
26. Prosiding hendaklah secara sulit.
27. Prosiding di hadapan tribunal dijalankan dengan cara elektronik dll.
28. Tuntutan-tuntutan boleh didengar bersama.
29. Tuntutan perwakilan.
30. Defendan-defendan bersama.

31. Keterangan.
32. Penghakiman jika ingkar hadir.
33. Kawalan prosedur.
34. Kos.
35. Tuntutan remeh atau menyusahkan.
36. Penangguhan.
37. Penarikan balik tuntutan.
38. Perintah tribunal.
39. Kegagalan untuk mematuhi perintah tribunal.
40. Penguatkuasaan perintah untuk membayar wang.
41. Penguatkuasaan perintah kerja.

#### **BAHAGIAN VI**

#### **KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN**

42. Kajian semula award dan perintah.
43. Rayuan mengenai perkara undang-undang.
44. Kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi mengenai rayuan.

#### **BAHAGIAN VII**

#### **RAMPAIAN**

45. Perintah tribunal adalah muktamad.
46. Mengenenpikan award atau perintah.
47. Penangguhan pelaksanaan setelah rayuan dibuat.
48. Faedah ke atas award.
49. Pembayaran award.

50. Penalti kerana mengabaikan saman saksi.
  51. Menghina tribunal.
  52. Kuasa adjudikator untuk menguatkuasakan pembayaran denda dll.
  53. Orang tidak boleh dihalang dari memfailkan tuntutan dalam mahkamah.
  54. Ketua Hakim boleh membuat aturan-aturan.
  55. Prosedur pada amnya.
  56. Perlindungan adjudikator dll.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

English = S 81/06

PERINTAH TRIBUNAL TUNTUTAN KECIL, 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tribunal Tuntutan Kecil, 2006 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Hakim, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Tribunal Tuntutan Kecil dalam dan bagi Negara Brunei Darussalam yang mempunyai bidang kuasa sivil yang terhad, dan untuk membuat peruntukan bagi bidang kuasa, prosedur dan amalannya, dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"adjudikator" bermakna seorang adjudikator dan termasuk seorang timbalan adjudikator yang dilantik di bawah bab 4;

"tuntutan" bermakna suatu tuntutan yang difailkan kepada suatu tribunal di bawah bab 15 dan termasuk prosiding dalam tribunal itu di antara pihak menuntut dan defendan;

"pihak menuntut" bermakna seseorang yang memfailkan suatu tuntutan kepada suatu tribunal selain daripada —

(a) defendan yang memasukkan suatu tuntutan balas; dan

(b) seseorang yang diwakili dalam suatu tuntutan perwakilan;

"defendan" bermakna mana-mana orang yang terhadapnya suatu tuntutan dibuat oleh pihak menuntut selain daripada —

(a) pihak menuntut yang terhadapnya pelepasan dipohonkan dengan cara tuntutan balas; dan

(b) seseorang yang diwakili dalam suatu tuntutan perwakilan;

"pihak" bermakna pihak menuntut atau defendan dan mana-mana orang yang dimasukkan sebagai pihak ketiga;

"had yang ditetapkan" bermakna \$10,000 atau jumlah lain yang boleh digantikan oleh Ketua Hakim, dengan Perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*;

"Pendaftar" bermakna Pendaftar Tribunal Tuntutan Kecil yang dilantik di bawah bab 15 dan termasuk seorang Timbalan Pendaftar dan seorang Penolong Pendaftar;

"Pejabat Pendaftaran" bermakna Pejabat Pendaftaran Tribunal Tuntutan Kecil yang ditubuhkan di bawah bab 13;

"tuntutan perwakilan" bermakna suatu tuntutan yang dibawa atas nama satu pihak menuntut bagi pihak dirinya dan satu atau lebih pihak menuntut yang lain di bawah bab 29;

"aturan-aturan" bermakna aturan-aturan yang dibuat oleh Ketua Hakim menurut bab 54;

"perintah kerja" bermakna suatu perintah untuk membetulkan sesuatu kecacatan pada barang-barang atau untuk memperbaiki apa-apa kekurangan dalam pelaksanaan perkhidmatan, dengan melakukan kerja atau membuat perkara-perkara (termasuk penggantian barang-barang atau bahagian-bahagiannya) mengikut mana yang berkenaan yang dinyatakan dalam perintah itu.

## BAHAGIAN II

### PERLEMBAGAAN TRIBUNAL

#### **Penubuhan tribunal.**

3. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan suatu tribunal atau sebilangan tribunal yang akan dikenali sebagai Tribunal Tuntutan Kecil.

(2) Tribunal itu, yang akan terdiri daripada adjudikator-adjudikator dan timbalan-timbalan adjudikator sebagaimana yang mungkin dilantik di bawah Perintah ini, adalah Mahkamah Rekod dengan bidang kuasa dan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perintah ini atau sebarang Perintah lain.

(3) Semua prosiding dalam tribunal itu hendaklah didengar dan diputuskan oleh seorang adjudikator atau seorang timbalan adjudikator yang bersidang sendirian.

(4) Tribunal itu hendaklah mempunyai meterai dari suatu rekabentuk yang dibenarkan oleh Ketua Hakim, dan semua award, perintah, saman dan proses lain tribunal itu hendaklah dimeterai dengannya.

#### **Lantikan dan kelayakan adjudikator.**

4. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas sokongan Ketua Hakim melantik seorang adjudikator atau sebilangan timbalan adjudikator.

(2) Tiada sesiapa pun boleh dilantik sebagai seorang adjudikator atau timbalan adjudikator melainkan jika dia seorang yang berkelayakan dalam makna Akta Ikhtisas Peguam (Penggali 132).

(3) Tiap-tiap orang yang dilantik sebagai seorang adjudikator hendaklah memegang jawatan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam suratcara lantikannya dan boleh dilantik semula.

(4) Sebarang lantikan seorang adjudikator yang dibuat di bawah cerai (1) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas sokongan Ketua Hakim.

### **BAHAGIAN III**

#### **BIDANG KUASA**

##### **Bidang kuasa tribunal.**

5. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, suatu tribunal hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan —

(a) sebarang tuntutan berkenaan dengan suatu pertikaian yang timbul dari sebarang kontrak bagi penjualan barang-barang atau penyediaan perkhidmatan; dan

(b) sebarang tuntutan dalam *tort* berkaitan dengan kerosakan yang berlaku pada sebarang harta.

(2) Bidang kuasa suatu tribunal tidak termasuk suatu tuntutan —

(a) berkaitan dengan kerosakan yang berlaku pada sebarang harta kerana sesuatu kemalangan yang berpunca dari atau berhubung dengan penggunaan sesebuah kenderaan bermotor; atau

(b) yang mahkamah-mahkamah rendah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan.

(3) Kecuali jika Perintah ini memperuntukkan dengan nyata selainnya, bidang kuasa suatu tribunal tidak termasuk suatu tuntutan —

(a) yang melebihi had yang ditetapkan; atau

(b) selepas tamat tempoh satu tahun dari tarikh alasan tindakan terakru.

(4) Jika suatu tribunal berpendapat bahawa suatu tuntutan yang difailkan kepadanya menurut cerai (1) bab 15 adalah di luar bidang kuasanya, tribunal itu hendaklah menghentikan semua prosiding dan memberitahu pihak menuntut dan defendan dengan sewajarnya.

(5) Suatu tuntutan dalam bidang kuasa tribunal itu boleh dibawa di mahkamah lain jika ada dimasukkan dalam tuntutan tersebut suatu tuntutan bagi pelepasan, tebus rugi atau remedi lain, selain dari tuntutan bagi kos.

(6) Tertakluk kepada Akta Had Masa (Penggagal 14), bidang kuasa tribunal itu hendaklah termasuk suatu tuntutan yang timbul sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini.

#### **Pengecualian bidang kuasa lain.**

6. (1) Jika suatu tuntutan telah difailkan kepada suatu tribunal, tiada prosiding berkenaan dengan tuntutan itu boleh dibawa di hadapan mana-mana mahkamah lain kecuali —

(a) jika prosiding di hadapan mahkamah itu telah dimulakan sebelum tuntutan itu difailkan, kepada tribunal itu; atau

(b) jika tuntutan di hadapan tribunal itu telah ditarik balik atau digugurkan.



(2) Tiada tuntutan boleh dibawa di hadapan suatu tribunal jika prosiding berkenaan dengan tuntutan itu belum selesai atau telah didengar dan diputuskan oleh mana-mana mahkamah lain.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu tuntutan hendaklah dianggap telah difailkan kepada suatu tribunal apabila bab 15 telah dipatuhi.

**Pemindahan tuntutan.**

7. Dengan tidak menghiraukan bab 5, suatu tribunal boleh pada sebarang peringkat prosiding sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, memindahkan prosiding itu kepada mahkamah lain maka amalan dan prosedur mahkamah lain itu hendaklah dikenakan.

**Tuntutan tidak boleh dibahagikan.**

8. Tiada tuntutan boleh dipecahkan atau dibahagikan dan diteruskan dalam prosiding berasingan dalam suatu tribunal semata-mata bagi tujuan membawa jumlah yang dituntut dalam prosiding tersebut dalam bidang kuasa tribunal itu.

**Pengguguran sebahagian tuntutan untuk memberi bidang kuasa kepada tribunal.**

9. (1) Jika nilai tuntutan itu melebihi had yang ditetapkan, pihak menuntut boleh menggugurkan lebihannya, dan selepas itu tribunal tersebut hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan itu.

(2) Jika tribunal itu mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan suatu tuntutan menurut cerai (1), suatu perintah tribunal itu di bawah Perintah ini berkenaan dengan tuntutan itu adalah sebagai pelepasan penuh bagi semua tuntutan berkaitan dengannya, dan penghakiman hendaklah dianggap sebagai dimasukkan dengan sewajarnya.

**Bidang kuasa tentang tuntutan balas.**

10. (1) Jika sebarang tuntutan balas atau sebarang tolakan dan tuntutan balas dalam prosiding dalam suatu tribunal adalah suatu tuntutan kewangan yang bukan dalam bidang kuasa tribunal itu, tribunal itu hendaklah memerintahkan supaya seluruh prosiding atau prosiding mengenai tuntutan balas atau tolakan dan tuntutan balas itu dipindahkan ke sebuah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak yang berkenaan.

(2) Jika suatu perintah dibuat di bawah cerai (1) dan penghakiman tentang tuntutan itu diberikan bagi pihak menuntut, pelaksanaan ke atasnya hendaklah, melainkan jika tribunal itu mengarahkan selainnya, ditangguhkan sehingga prosiding yang dipindahkan ke mahkamah lain itu telah diputuskan.

(3) Jika seseorang defendan mempunyai suatu tuntutan balas atau tolakan dan tuntutan balas yang melebihi bidang kuasa kewangan tribunal itu dan yang, jika tidak kerana lebihannya, merupakan dalam bidang kuasanya, defendan tersebut boleh menggugurkan lebihannya dan selepas itu tribunal tersebut hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan balas atau tolakan dan tuntutan balas itu tetapi defendan tersebut tidak boleh mendapatkan balik dalam tuntutan balas atau tolakan dan tuntutan balas itu suatu amaun yang melebihi bidang kuasa kewangan tribunal itu.

(4) Jika suatu tribunal mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan suatu tuntutan balas atau tolakan dan tuntutan balas menurut bab ini, award tribunal tersebut tentang tuntutan balas atau tolakan dan tuntutan balas itu adalah sebagai pelepasan penuh bagi semua tuntutan berkaitan dengannya, dan penghakiman hendaklah dianggap sebagai dimasukkan dengan sewajarnya.

#### **Kos dalam kes yang dipindahkan.**

11. (1) Jika sebarang prosiding mengenai suatu tuntutan atau tuntutan balas atau tolakan dan tuntutan balas dipindahkan di bawah bab 7 atau 10 dari tribunal itu ke mahkamah lain, kos prosiding itu sebelum dan juga selepas pemindahan tersebut adalah, tertakluk kepada sebarang perintah tribunal itu yang dibuat berkenaan dengan sebarang prosiding sebelum pemindahan itu, atas budi bicara mahkamah yang kepadanya prosiding itu dipindahkan.

(2) Mahkamah yang disebut dalam cerai (1) boleh membuat perintah-perintah berkenaan dengannya dan tentang jadual-jadual yang atasnya kos prosiding itu akan ditetapkan, dan kos seluruh prosiding itu hendaklah ditetapkan dalam mahkamah itu.

#### **Tugas-tugas tribunal.**

12. (1) Tugas utama suatu tribunal adalah cuba membawa semua pihak dalam suatu pertikaian kepada suatu penyelesaian yang dipersetujui.

(2) Jika suatu penyelesaian yang dipersetujui dicapai, suatu tribunal boleh membuat satu perintah atau lebih yang tribunal itu diberi kuasa untuk membuatnya di bawah bab 38.

(3) Jika pada pendapat suatu tribunal bahawa adalah mustahil untuk mencapai suatu penyelesaian di bawah cerai (1) dalam masa yang munasabah, tribunal itu hendaklah terus memutuskan pertikaian itu.

(4) Suatu tribunal hendaklah memutuskan pertikaian itu mengikut merit menyeluruh dan keadilan kes dan dalam berbuat demikian hendaklah mengambil

kira undang-undang tetapi tidaklah terikat untuk menguatkuasakan bentuk atau perkara teknikal undang-undang yang ketat.

#### BAHAGIAN IV

#### PERMULAAN PROSIDING

##### **Pejabat pendaftaran.**

13. (1) Hendaklah ditubuhkan dan diselenggarakan Pejabat Pendaftaran Tribunal Tuntutan Kecil yang akan menyimpan semua rekod tribunal.

(2) Rekod suatu tribunal hendaklah mengandungi —

(a) tuntutan-tuntutan yang difailkan kepada tribunal itu oleh pihak-pihak menuntut;

(b) ringkasan-ringkasan fakta mengenai isu-isu yang dipertikaikan berkaitan dengan tuntutan-tuntutan yang telah diputuskan dan direkodkan oleh tribunal itu dalam masa pendengaran tuntutan-tuntutan itu; dan

(c) perintah-perintah yang dibuat oleh tribunal itu berkenaan dengan tuntutan-tuntutan itu.

(3) Mana-mana pihak dalam tuntutan itu adalah berhak, setelah membuat bayaran yang ditetapkan, mendapat satu salinan rekod suatu tribunal dan rekod tersebut boleh diterima sebagai keterangan di hadapan mana-mana mahkamah bagi tujuan sebarang prosiding di hadapan mahkamah itu.

##### **Lantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pegawai lain.**

14. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas sokongan Ketua Hakim, melantik seorang Pendaftar, seorang Timbalan Pendaftar, Penolong-Penolong Pendaftar dan pegawai-pegawai lain sebagaimana yang mungkin perlu bagi membolehkan tribunal itu berfungsi dengan sepatutnya.

(2) Semua kuasa dan kewajipan yang diberikan dan dikenakan kepada Pendaftar boleh dijalankan dan dilaksanakan oleh Timbalan Pendaftar atau seorang Penolong Pendaftar.

##### **Memfailkan tuntutan.**

15. (1) Prosiding di hadapan suatu tribunal hendaklah dimulakan dengan memfailkan suatu tuntutan kepada Pendaftar.

(2) Tertakluk kepada cerai (3), suatu tuntutan hendaklah secara bertulis dalam borang yang ditetapkan sama ada dalam bahasa Inggeris atau Melayu, dan hendaklah ditandatangani oleh atau bagi pihak pihak menuntut.

(3) Pendaftar boleh membenarkan suatu tuntutan dibuat secara lisan dan hendaklah mengarahkannya supaya ditulis dalam bahasa tuntutan itu dibuat dan hendaklah dibacakan dan diterangkan kepada pihak menuntut, dan jika disahkan betul oleh pihak menuntut, hendaklah ditandatangani oleh pihak menuntut dan satu salinan tuntutan itu hendaklah diberikan kepadanya.

(4) Dalam sebarang tuntutan bersama atau perwakilan —

(a) Pendaftar boleh membenarkan tuntutan itu difailkan walaupun tuntutan itu belum ditandatangani oleh semua pihak menuntut atau orang yang diwakili dengan syarat bahawa semua pihak menuntut atau orang itu berbuat demikian sebelum tarikh pendengaran; dan

(b) nama pihak menuntut atau orang yang diwakili yang belum menandatangani tuntutan itu sebelum pendengaran boleh, jika tribunal itu mengarahkan demikian, dipotong dari tuntutan itu dan amaun tuntutan itu dengan yang demikian dikurangkan.

#### **Isi kandungan tuntutan.**

16. Suatu tuntutan hendaklah mengandungi —

(a) nama dan alamat tiap-tiap pihak menuntut dan, dalam hal suatu tuntutan perwakilan, nama dan alamat tiap-tiap orang yang diwakili;

(b) nama dan alamat tiap-tiap defendan;

(c) jumlah wang yang dituntut oleh tiap-tiap pihak menuntut atau orang yang diwakili; dan

(d) butir-butir lain tuntutan itu yang memadai dengan munasabah untuk memberitahu defendan mengenai alasan tuntutan itu dan cara bagaimana amaun yang dituntut oleh tiap-tiap pihak menuntut atau orang yang diwakili telah dikira.

#### **Kuasa-kuasa Pendaftar.**

17. (1) Pendaftar hendaklah, apabila suatu tuntutan telah difailkan, mempelawa semua pihak dalam pertikaian itu untuk berunding dengan tujuan untuk membuat suatu penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak.

(2) Jika penyelesaian tersebut dibuat Pendaftar hendaklah, atas permohonan pihak menuntut, membuat suatu perintah di bawah bab 38 yang menguatkuasakan syarat-syarat penyelesaian tersebut dan perintah itu hendaklah berkuatkuasa seolah-olah perintah itu adalah suatu perintah tribunal yang dibuat di bawah bab itu.

(3) Jika semasa perundingan Pendaftar berpendapat bahawa suatu tuntutan atau tuntutan balas yang dibuat adalah di luar bidang kuasa tribunal, dia hendaklah menghentikan semua prosiding dan memberitahu pihak menuntut dan defendan dengan sewajarnya.

(4) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan suatu keputusan Pendaftar yang dibuat di bawah cerai (3) boleh dalam masa satu bulan merayu kepada tribunal yang boleh membuat suatu perintah yang mengesahkan, membatalkan atau mengubah keputusan Pendaftar.

(5) Jika pihak menuntut gagal hadir semasa perundingan, sendiri atau melalui seorang wakil menurut cerai (2) bab 24, Pendaftar boleh membuat suatu perintah yang menolak tuntutan itu, atau jika terdapat suatu tuntutan balas oleh defendan, membuat sebarang perintah di bawah bab 38.

(6) Jika seseorang defendan gagal hadir semasa perundingan, sendiri atau melalui seorang wakil menurut cerai (2) bab 24, pihak menuntut boleh memohon kepada Pendaftar bagi sebarang perintah di bawah bab 38 untuk dibuat terhadap defendan itu.

(7) Atas suatu permohonan di bawah cerai (6), Pendaftar hendaklah memberikan perintah itu kepada pihak menuntut jika Pendaftar berpuas hati bahawa pihak menuntut berhak terhadapnya dan satu salinan tuntutan bertulis dan notis perundingan telah disampaikan kepada defendan itu.

(8) Sebarang perintah yang dibuat oleh Pendaftar di bawah cerai (5) atau (7) hendaklah berkuatkuasa seolah-olah perintah itu adalah perintah suatu tribunal yang dibuat di bawah bab 38.

(9) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan suatu perintah Pendaftar yang dibuat di bawah cerai (5), (6) atau (7) boleh memohon kepada Pendaftar supaya perintah itu diketepikan.

(10) Suatu permohonan yang dibuat di bawah cerai (9) hendaklah dibuat dalam masa satu bulan selepas perundingan dijalankan atau tempoh lanjut sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pendaftar.

**Perundingan di hadapan Pendaftar dengan cara elektronik.**

18. (1) Pendaftar boleh, atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, membenarkan supaya perundingan dijalankan melalui telefon, videofon, atau apa-apa cara elektronik lain (disebut dalam bab ini sebagai cara elektronik).

(2) Pendaftar boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya sebarang perundingan dengan cara elektronik dihentikan dan mengarahkan pihak-pihak itu untuk hadir sendiri di suatu tempat yang ditetapkan untuk perundingan.

(3) Sebarang perintah yang dibuat oleh Pendaftar semasa perundingan dengan cara elektronik boleh diketepikan atas permohonan mana-mana orang yang tidak puas hati dengan perintah itu jika Pendaftar berpuas hati bahawa salah satu pihak telah disamar atau mana-mana orang yang turut serta dalam perundingan itu tidak mempunyai kuasa untuk mewakili pihak yang berkenaan.

(4) Suatu permohonan yang dibuat di bawah cerai (3) hendaklah dibuat dalam masa satu bulan selepas perintah itu dibuat atau tempoh lanjut sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pendaftar.

**Penyampaian tuntutan dan notis pendengaran.**

19. (1) Jika Pendaftar tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak dalam pertikaian itu, dia hendaklah —

(a) menetapkan suatu tempat dan tarikh bagi mendengar tuntutan itu dan memberikan notis mengenainya dalam borang yang ditetapkan kepada pihak menuntut; dan

(b) dengan seberapa segera yang boleh secara munasabah menyebabkan supaya satu salinan tuntutan bertulis dan suatu notis dalam borang yang ditetapkan mengenai tarikh dan tempat pendengaran disampaikan kepada —

(i) defendan; dan

(ii) mana-mana orang yang ternyata dari borang tuntutan itu mempunyai suatu kepentingan yang mencukupi dalam penyelesaian pertikaian yang disebut dalam tuntutan itu.

(2) Pendaftar boleh memanggil mana-mana orang untuk hadir di hadapan tribunal jika, pada pendapatnya, kehadiran orang itu adalah perlu bagi membolehkan tribunal itu untuk memutuskan perkara-perkara yang dipertikaikan dalam tuntutan itu.

(3) Penyampaian satu salinan tuntutan bertulis dan notis pendengaran dan saman atau apa-apa dokumen yang hendak disampaikan kepada mana-mana orang dalam sebarang prosiding di hadapan suatu tribunal boleh dibuat oleh orang yang mungkin dilantik oleh Pendaftar bagi tujuan tersebut.

**Tuntutan boleh diakui melalui telefon atau secara bertulis.**

20. (1) Pendaftar boleh, atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, membenarkan defendan, pada bila-bila masa sebelum suatu perintah mengenai tuntutan itu telah dibuat oleh Pendaftar atau tribunal, untuk mengakui tuntutan terhadapnya secara lisan melalui telefon.

(2) Pendaftar boleh menerima apa-apa pengakuan terhadap tuntutan itu secara bertulis oleh defendan jika pengakuan tersebut diterima sebelum sebarang perintah mengenai tuntutan itu telah dibuat oleh Pendaftar atau tribunal.

(3) Pendaftar boleh, atas budi bicaranya, menolak suatu pengakuan yang dikatakan dibuat di bawah cerai (1) atau (2) dan mengarahkan defendan untuk hadir sendiri semasa perundingan atau di hadapan suatu tribunal.

(4) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa suatu pengakuan di bawah cerai (1) atau (2) adalah teratur, Pendaftar boleh membuat suatu perintah di bawah 38 terhadap defendan dan perintah itu hendaklah berkuatkuasa seolah-olah perintah itu adalah perintah suatu tribunal di bawah bab itu.

(5) Sebarang perintah yang dibuat oleh Pendaftar di bawah cerai (4) boleh diketepikan atas permohonan defendan jika Pendaftar berpuas hati bahawa pengakuan itu tidak dibuat oleh defendan atau dengan kuasa defendan.

(6) Suatu permohonan di bawah cerai (5) hendaklah dibuat dalam masa satu bulan selepas tarikh perintah itu atau tempoh lanjut sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pendaftar.

**Pihak-pihak.**

21. (1) Tertakluk kepada cerai (2), pihak menuntut, defendan dan tiap-tiap orang yang kepadanya notis mengenai suatu tuntutan telah diberikan di bawah perenggan (b) cerai (1) bab 19 adalah pihak-pihak dalam prosiding mengenai tuntutan itu.

(2) Suatu tribunal boleh, pada bila-bila masa, memerintahkan supaya nama seseorang yang pada pendapatnya telah dimasukkan secara salah sebagai suatu pihak dipotong dari prosiding itu.

**BAHAGIAN V**

**PROSEDUR**

**Menyimpan ringkasan keterangan dll.**

22. Adjudikator hendaklah menyimpan atau menyebabkan untuk disimpan suatu ringkasan, sama ada dengan cara nota trengkas atau cara mekanikal, elektronik atau optikal atau pun selainnya, keterangan, hujah atau pernyataan yang dibuat atau diberikan dalam prosiding dalam suatu tribunal dan sebarang perkara undang-undang dan keputusannya.

**Pendengaran hendaklah secara tidak formal.**

23. (1) Pendengaran prosiding dalam suatu tribunal hendaklah dijalankan secara tidak formal.

(2) Suatu tribunal boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, memanggil mana-mana saksi dan menghendaki supaya apa-apa dokumen, rekod, buku akaun atau barang lain dikemukakan, yang berkaitan dalam sebarang prosiding.

(3) Suatu tribunal hendaklah menyiasat mengenai sebarang perkara yang dianggap berkaitan olehnya dengan suatu tuntutan, sama ada perkara itu telah dibangkitkan oleh suatu pihak atau tidak.

**Hak untuk didengar.**

24. (1) Tertakluk kepada bab ini, suatu pihak dalam prosiding di hadapan suatu tribunal hendaklah mengemukakan kesnya sendiri.

(2) Tertakluk kepada cerai (3), jika suatu pihak dalam prosiding di hadapan suatu tribunal adalah —

(a) suatu badan korporat, seseorang pegawai atau salah seorang pekerja sepenuh masanya boleh mengemukakan kes bagi pihaknya;

(b) suatu perkongsian, salah seorang rakan kongsinya atau pekerja sepenuh masanya boleh mengemukakan kes bagi pihaknya;

(c) orang yang belum cukup umur dan, pada pendapat Pendaftar atau tribunal, tidak dapat mengemukakan kesnya sendiri, ibu atau bapa atau penjaganya atau mana-mana orang lain yang mungkin dibenarkan oleh Pendaftar atau tribunal boleh mengemukakan kesnya bagi pihaknya;



(d) seseorang yang tidak bermastautin di Negara Brunei Darussalam dan yang tidak dapat tinggal di Negara Brunei Darussalam sehingga pendengaran kes, mana-mana orang lain yang sempurna diberi kuasa olehnya secara bertulis boleh, dengan kebenaran Pendaftar atau tribunal, mengemukakan kes bagi pihaknya;

(e) seseorang yang, pada pendapat Pendaftar atau tribunal, tidak dapat mengemukakan kesnya sendiri oleh sebab umur tua, buta huruf atau kelemahan akal atau badan, mana-mana orang lain yang sempurna diberi kuasa olehnya secara bertulis atau yang dibenarkan oleh Pendaftar atau tribunal boleh mengemukakan kes bagi pihaknya; dan

(f) seseorang, dengan kebenaran tribunal, selain daripada peguam atau peguamcara, yang diberi kuasa secara bertulis oleh suatu pihak untuk hadir sebagai wakilnya.

(3) Tiada pihak dalam sebarang prosiding di hadapan suatu tribunal boleh diwakili oleh seorang peguambela dan peguamcara atau, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh cerai (2), seorang ejen, sama ada dibayar atau pun selainnya.

(4) Suatu tribunal hendaklah, sebelum membenarkan seseorang itu untuk bertindak sebagai wakil di bawah cerai (2) memuaskannya bahawa orang itu mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai kes itu dan kuasa yang mencukupi untuk mengikat pihak yang diwakilinya.

#### **Pemutusan tuntutan.**

25. (1) Tribunal hendaklah memutuskan suatu tuntutan dan membuat award atau perintah mengenainya sebagaimana yang difikirkannya patut dengan seberapa segera yang boleh selepas tamatnya pendengaran tuntutan itu.

(2) Sebab-sebab bagi sesuatu award atau perintah boleh diberikan secara lisan atau bertulis sebagaimana yang difikirkan patut oleh tribunal.

(3) Seseorang adjudikator hendaklah, apabila dia telah membuat suatu award atau perintah secara lisan, menulisnya dengan seberapa segera yang boleh, dan dalam sebarang hal tidak lewat dari 14 hari selepas tarikh award atau perintah itu.

(4) Setiap award atau perintah bertulis hendaklah disampaikan oleh Pendaftar kepada pihak-pihak itu, dan tidaklah perlu bagi pihak yang untuk faedahnya suatu award atau perintah telah dibuat untuk membuktikan bahawa ia telah dihantar kepada pihak yang hendak disampaikan.

(5) Penyampaian suatu award atau perintah di bawah cerai (4) hendaklah dibuat —

(a) dengan menyerahkannya sendiri kepada pihak yang hendak disampaikan;

(b) dengan meninggalkannya dengan seseorang untuknya di tempat kediamannya atau di tempat perniagaannya yang terakhir diketahui;

(c) dengan menghantarnya melalui pos yang ditujukan kepadanya di tempat kediamannya atau di tempat perniagaannya yang terakhir diketahui;

(d) dengan cara lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

**Prosiding hendaklah secara sulit.**

26. Semua prosiding di hadapan suatu tribunal hendaklah diadakan secara sulit.

**Prosiding di hadapan tribunal dijalankan dengan cara elektronik dll.**

27. (1) Suatu tribunal boleh, atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, membenarkan supaya prosiding di hadapan tribunal itu dijalankan melalui telefon, videofon atau sebarang cara elektronik lain (disebut dalam bab ini sebagai cara elektronik).

(2) Tribunal itu boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya sebarang prosiding di hadapannya yang dijalankan dengan cara elektronik dihentikan dan mengarahkan pihak-pihak itu untuk hadir sendiri di suatu tempat yang ditetapkan bagi pendengarannya.

(3) Sebarang perintah yang dibuat oleh tribunal itu pada masa prosiding dijalankan di hadapannya dengan cara elektronik boleh diketepikan atas permohonan seseorang yang tidak puas hati dengan perintah tersebut jika tribunal itu berpuas hati bahawa salah satu pihak telah disamar atau mana-mana orang yang turut serta dalam pendengaran itu tidak mempunyai kuasa untuk mewakili pihak yang berkenaan.

(4) Suatu permohonan yang dibuat di bawah cerai (3) hendaklah dibuat dalam masa satu bulan selepas perintah itu dibuat atau tempoh lanjut sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh tribunal itu.

**Tuntutan-tuntutan boleh didengar bersama.**

28. (1) Jika 2 tuntutan atau lebih difailkan dan pada pendapat suatu tribunal bahawa —

(a) suatu persoalan fakta atau undang-undang yang sama timbul dalam kedua-dua atau semua tuntutan itu;

(b) tuntutan-tuntutan itu timbul dari alasan tindakan yang sama; atau

(c) adalah bagi kepentingan keadilan,

tribunal itu boleh memerintahkan supaya tuntutan-tuntutan tersebut didengar pada masa yang sama.

(2) Kuasa yang diberikan oleh bab ini boleh dijalankan oleh suatu tribunal walaupun pendengaran satu tuntutan atau lebih telah bermula.

**Tuntutan perwakilan.**

29. (1) Tertakluk kepada cerai (2), jika 2 orang atau lebih mempunyai tuntutan-tuntutan terhadap defendan yang sama, tuntutan-tuntutan tersebut boleh dibawa atas nama salah seorang daripada orang-orang itu sebagai wakil bagi beberapa orang atau semuanya.

(2) Tribunal boleh, jika pada sebarang peringkat prosiding ia menganggap bahawa suatu tuntutan perwakilan boleh menjejaskan defendan, memerintahkan bahawa tuntutan-tuntutan semua atau mana-mana orang yang diwakili hendaklah didengar secara berasingan.

(3) Tiap-tiap orang yang diwakili dalam suatu tuntutan perwakilan hendaklah dianggap telah memberi kuasa kepada wakil itu bagi pihaknya untuk —

(a) meminta dan memberikan keterangan dan membuat hujah kepada suatu tribunal mengenai apa-apa perkara yang timbul dalam masa pendengaran tuntutan itu;

(b) memfailkan afdavit, pernyataan atau dokumen lain;

(c) mempersetujui penangguhan atau perubahan tempat;

(d) mempersetujui penyelesaian tuntutan itu atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut;

(e) meminda atau menggugurkan tuntutan itu; dan

(f) bertindak pada amnya dengan cara yang sepenuhnya dan sebebannya sebagaimana pihak menuntut boleh bertindak bagi pihaknya sendiri.

(4) Kuasa yang dianggap sebagai diberikan kepada seseorang wakil oleh cerai (3) tidak boleh ditarik balik kecuali dengan kebenaran tribunal itu.

(5) Suatu tribunal boleh, pada bila-bila masa sebelum memutuskan sebarang tuntutan, memberikan kebenaran kepada mana-mana orang untuk dimasukkan dalam tuntutan itu sebagai orang yang diwakili atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

(6) Suatu tribunal boleh menyebabkan supaya notis awam diberikan, dengan cara sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, mengenai butir-butir suatu tuntutan perwakilan yang telah difailkan dan tarikh dan tempat yang ditetapkan bagi pendengaran tuntutan itu.

#### **Defendan-defendan bersama.**

30. (1) Jika 2 orang atau lebih adalah defendan-defendan dalam prosiding dalam tribunal, sebagai rakan kongsi atau pun selainnya, tuntutan itu boleh didengar dan diputuskan berkenaan dengan mana-mana defendan tersebut yang telah sempurna disampaikan dengan suatu tuntutan bertulis walaupun defendan-defendan lain belum disampaikan demikian atau tidak berada di bawah bidang kuasa tribunal.

(2) Jika suatu award dibuat terhadap seseorang defendan di bawah cerai (1) dan dia berpuas hati, dia adalah berhak dalam prosiding dalam tribunal untuk menuntut sumbangan daripada mana-mana orang lain yang bertanggung bersesama dengannya.

(3) Suatu award terhadap seseorang defendan berkaitan dengan suatu tanggungan bersesama dengan orang lain tidak akan melepaskan orang lain itu daripada tanggungannya.

(4) Seseorang yang terhadapnya suatu tuntutan dibuat berkaitan dengan suatu tanggungan bersesama dengan mana-mana orang lain boleh mengadakan sebarang pembelaan atau tuntutan balas yang dia sepatutnya berhak untuk mengadakannya jika semua orang yang bertanggung bersesama dengannya adalah defendan-defendan.

(5) Jika 2 orang atau lebih dimasukkan sebagai defendan-defendan, pihak menuntut boleh mendapatkan suatu award terhadap mana-mana satu defendan atau lebih dan boleh menguatkuasakan award itu tanpa menjejaskan haknya untuk meneruskan tuntutan itu terhadap mana-mana defendan lain.

**Keterangan.**

31. (1) Suatu tribunal tidaklah terikat dengan aturan-aturan keterangan tetapi boleh memberitahunya mengenai apa-apa perkara dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Keterangan yang dikemukakan kepada suatu tribunal oleh atau bagi pihak suatu pihak dalam sebarang prosiding tidak perlu diberikan dengan mengangkat sumpah tetapi tribunal itu boleh pada sebarang peringkat prosiding menghendaki supaya keterangan tersebut atau mana-mana bahagiannya diberikan dengan mengangkat sumpah sama ada secara lisan atau bertulis.

(3) Suatu tribunal boleh, atas daya usahanya sendiri, meminta dan menerima keterangan lain dan membuat penyiataan dan siasatan lain sebagaimana yang difikirkannya patut. Semua keterangan dan maklumat yang diterima dan dipastikan itu hendaklah didedahkan kepada tiap-tiap pihak.

(4) Bagi maksud-maksud cerai (2), seseorang adjudikator suatu tribunal adalah diberi kuasa untuk mentadbirkan sumpah.

(5) Seseorang adjudikator boleh menghendaki sebarang keterangan bertulis yang diberikan dalam prosiding di hadapan suatu tribunal disahkan dengan pengakuan berkanun.

**Penghakiman jika ingkar hadir.**

32. (1) Jika seseorang defendan gagal hadir pada masa pendengaran, sendiri atau melalui seorang wakil menurut cerai (2) bab 24, pihak menuntut boleh memohon penghakiman untuk dimasukkan terhadap defendan itu.

(2) Permohonan untuk memasukkan penghakiman itu boleh disokong dengan suatu affidavit atau pengakuan yang mengesahkan fakta-fakta yang disandarkan.

(3) Atas permohonan yang dibuat oleh pihak menuntut di bawah cerai (1), tribunal hendaklah memerintahkan supaya penghakiman dimasukkan terhadap defendan itu jika tribunal berpuas hati bahawa pihak menuntut berhak terhadapnya.

(4) Penghakiman tidak boleh dimasukkan terhadap seseorang defendan di bawah bab ini melainkan jika tribunal berpuas hati bahawa satu salinan tuntutan bertulis dan notis pendengaran telah disampaikan kepada defendan itu di bawah bab 19.

**Kawalan prosedur.**

33. Tertakluk kepada Perintah ini dan aturan-aturan yang dibuat di bawahnya, tribunal hendaklah mengawal prosedurnya sendiri dalam pendengaran tuntutan-tuntutan dan, pada menjalankan kawalan itu, hendaklah mengambil kira prinsip-prinsip keadilan asasi.

**Kos.**

34. (1) Tertakluk kepada cerai (2), tribunal boleh mengaward kepada suatu pihak kos dan perbelanjaan yang boleh termasuk —

(a) sebarang perbelanjaan munasabah yang semestinya dilakukan dan sebarang kehilangan gaji atau, upah yang dialami oleh pihak itu; dan

(b) sebarang jumlah wang munasabah yang dibayar kepada seseorang saksi bagi perbelanjaan yang semestinya dilakukan dan sebarang kehilangan gaji atau upah yang dialami olehnya,

dalam menghadiri pendengaran.

(2) Dalam membuat suatu award kos di bawah bab ini, tribunal hendaklah memasukkan arahan tentang amaun yang akan dibayar oleh tiap-tiap pihak yang bertanggung untuk membayar kos.

(3) Suatu award kos boleh dikuatkuasakan dengan cara yang sama seperti sebarang award lain tribunal.

**Tuntutan remeh atau menyusahkan.**

35. Suatu tribunal boleh pada bila-bila masa menolak suatu tuntutan yang dianggapnya sebagai remeh atau menyusahkan atas syarat-syarat tentang pembayaran kos sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Penangguhan.**

36. Suatu tribunal boleh pada bila-bila masa, sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, menangguhkan pendengaran prosiding mengenai suatu tuntutan atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Penarikan balik tuntutan.**

37. Tribunal boleh pada bila-bila masa membenarkan pihak menuntut untuk menarik balik tuntutannya sama ada atau tidak tribunal telah mendengar tuntutan itu atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dalam semua hal keadaan termasuk peringkat prosiding yang telah dicapai apabila permohonan itu dibuat.

**Perintah tribunal.**

38. (1) Tribunal boleh, berhubung dengan sebarang tuntutan di bawah bidang kuasanya, membuat satu perintah atau lebih yang berikut dan boleh memasukkan di dalamnya ketentuan-ketentuan dan syarat-syarat (sama ada tentang masa untuk, atau dibuat bagi, mematuhi atau pun selainnya) sebagaimana yang difikirkannya patut —

(a) tribunal boleh memerintahkan suatu pihak dalam prosiding itu untuk membayar wang kepada pihak lain;

(b) tribunal boleh membuat suatu perintah kerja terhadap mana-mana pihak dalam prosiding itu;

(c) tribunal boleh membuat suatu perintah yang menghendaki suatu pihak dalam prosiding itu untuk melakukan apa-apa jua yang disebut dalam perenggan (b) dalam masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu dan sekiranya dia tidak mematuhi perintah itu dia dikehendaki membayar wang kepada orang yang dinyatakan dalam perintah itu;

(d) tribunal boleh membuat suatu perintah yang menolak tuntutan yang disebut dalam prosiding itu; dan

(e) tribunal boleh membuat perintah sampingan sebagaimana yang mungkin perlu untuk menguatkuasa sebarang perintah yang dibuat oleh tribunal.

(2) Peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dikenakan kepada suatu perintah yang dibuat di bawah cerai (1) —

(a) suatu perintah yang dibuat di bawah perenggan (a) cerai (1) tidak menghendaki pembayaran wang yang melebihi had yang ditetapkan;

(b) nilai kerja yang dikehendaki untuk dilaksanakan menurut perintah itu tidak boleh melebihi had yang ditetapkan; dan

(c) perintah itu boleh mengadakan peruntukan bahawa, sekiranya perintah itu tidak dipatuhi dalam masa yang dinyatakan di dalamnya, pihak menuntut boleh meminta supaya kerja yang diperlukan untuk membetulkan kecacatan itu dilakukan oleh seseorang yang layak.

(3) Pendaftar hendaklah mengatitkan supaya satu salinan suatu perintah yang dibuat di bawah cerai (1) disampaikan kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat dengan seberapa segera yang boleh selepas masa perintah itu dibuat.

**Kegagalan untuk mematuhi perintah tribunal.**

39. Jika tribunal mengarahkan suatu pihak untuk mematuhi suatu perintah dalam masa yang ditentukan dan pihak itu gagal berbuat demikian, tribunal boleh menolak tuntutan atau tuntutan balas yang difailkan oleh pihak itu, menangguhkan prosiding itu atau memasukkan penghakiman terhadap pihak itu, mengikut mana yang berkenaan, atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Penguatkuasaan perintah untuk membayar wang.**

40. (1) Setiap perintah yang dibuat oleh suatu tribunal atau Pendaftar yang menghendaki suatu pihak untuk membayar wang hendaklah dianggap sebagai suatu perintah Mahkamah Majistret dan, tertakluk kepada bab ini, boleh dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

(2) Jika permohonan dibuat kepada Mahkamah Majistret bagi pengeluaran sebarang proses untuk menguatkuasakan suatu perintah yang diperuntukkan oleh perenggan (c) cerai (1) bab 38 (yang menghendaki suatu pihak untuk membayar wang kepada pihak lain sebagai alternatif untuk mematuhi suatu perintah kerja), maka Pendaftar hendaklah memberikan notis mengenai permohonan itu kepada pihak yang terhadapnya penguatkuasaan dipohonkan.

(3) Jika pihak itu tidak memfailkan dalam tribunal dalam tempoh yang ditetapkan untuk berbuat demikian suatu notis bantahan dalam borang yang ditetapkan, perintah itu boleh, selepas tamatnya tempoh itu, dikuatkuasakan menurut cerai (1).

(4) Notis yang disebut dalam cerai (3) hanya boleh diberikan atas alasan pihak itu percaya bahawa perintah tribunal atau Pendaftar telah dipatuhi dengan sepenuhnya dan bahawa pihak itu dengan yang demikian mempertikaikan hak pemohon untuk menguatkuasakannya.

(5) Jika pihak yang terhadapnya penguatkuasaan dipohonkan memfailkan notis yang disebut dalam cerai (3) dalam tempoh yang ditetapkan, Pendaftar hendaklah merujuk perkara itu kepada tribunal untuk didengar dan diputuskan di bawah cerai (2) bab 41.

(6) Tiada bayaran memfail boleh dibayar oleh seseorang yang memohon untuk menguatkuasakan suatu perintah menurut cerai (1) tetapi sebarang bayaran yang sebaliknya akan dibayar hendaklah dimasukkan dalam dan dianggap sebagai sebahagian dari award tribunal dan boleh didapatkan balik daripada pihak lawan untuk dikreditkan ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan.



**Penguatkuasaan perintah kerja.**

41. (1) Jika —

(a) suatu pihak yang untuk faedahnya suatu perintah kerja telah dibuat menganggap bahawa perintah kerja itu tidak dipatuhi oleh pihak yang satu lagi; dan

(b) pihak yang satu lagi itu tidak mematuhi perintah wang alternatif yang diperuntukkan oleh perenggan (c) cerai (1) bab 38,

pihak yang untuk faedahnya perintah kerja itu dibuat boleh, sebagai ganti memohon kepada Mahkamah Majistret bagi pengeluaran suatu proses penguatkuasaan menurut cerai (1) bab 40, memfailkan kepada tribunal suatu permohonan dalam borang yang ditetapkan supaya perintah kerja itu dikuatkuasakan.

(2) Prosiding berikutnya hendaklah diambil atas permohonan untuk menguatkuasakan di bawah cerai (1) dan atas notis di bawah cerai (5) bab 40 seolah-olah permohonan atau notis itu adalah suatu tuntutan yang difailkan di bawah bab 15.

(3) Setelah perkara itu didengar, tribunal boleh —

(a) mengubah perintah kerja itu, atau membuat satu lagi perintah kerja atau sebarang perintah lain yang dibenarkan oleh bab 38;

(b) memberi kebenaran kepada pihak yang untuk faedahnya perintah kerja itu dibuat untuk melaksanakan perintah wang alternatif yang diperuntukkan oleh bab 38 atau sebanyak mana darinya yang mungkin dibenarkan oleh tribunal, dan sama ada tertakluk kepada atau tanpa mematuhi cerai (2) bab 40; atau

(c) melepaskan sebarang perintah yang dahulunya dibuat oleh tribunal.

(4) Selepas tamat tempoh 12 bulan dari tarikh suatu perintah kerja, perintah itu tidak boleh dikuatkuasakan tanpa kebenaran tribunal.

BAHAGIAN VI

KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN

**Kajian semula award dan perintah.**

42. (1) Kecuali jika suatu pihak telah memfailkan suatu permohonan bagi kebenaran untuk merayu dan tidak bersetuju untuk menarik balik permohonan itu, seseorang adjudikator boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh suatu award atau perintah yang diberikan atau dibuat olehnya, mengkaji semula award atau perintah itu dan setelah kajian semula itu dijalankan boleh membuka semula dan mendengar semula tuntutan itu seluruhnya atau sebahagiannya dan boleh meminta atau mendengar keterangan baru dan boleh mengesahkan, mengubah atau membatalkan award atau perintahnya yang dahulu.

(2) Kuasa yang diberikan oleh cerai (1) boleh dijalankan —

(a) oleh seseorang adjudikator atas usulnya sendiri, dengan notis dalam borang yang ditetapkan kepada semua pihak;

(b) atas permohonan suatu pihak dalam masa 7 hari, dengan notis dalam borang yang ditetapkan kepada semua pihak.

(3) Perjalanan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) tidak boleh berkuat-kuasa sebagai halangan kepada suatu rayuan oleh suatu pihak terhadap award atau perintah itu.

(4) Atas permohonan suatu pihak bagi kajian semula di bawah bab ini, adjudikator itu, dengan mengambil kira kemungkinan adanya aset untuk menyelesaikan suatu award yang dilupuskan sehingga menjejaskan mana-mana pihak, boleh membuat perintah berhubung dengan pembayaran ke dalam tribunal, dengan memberi jaminan atau pun selainnya sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

**Rayuan mengenai perkara undang-undang.**

43. (1) Mana-mana pihak dalam prosiding di hadapan tribunal boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap suatu perintah yang dibuat oleh tribunal di bawah cerai (1) bab 38 atau cerai (3) bab 41 —

(a) atas sebarang alasan yang melibatkan suatu persoalan undang-undang; atau

(b) atas alasan bahawa tuntutan itu adalah di luar bidang kuasa tribunal.

(2) Aturan-aturan boleh dibuat di bawah bab 53 untuk mengawalselia dan menetapkan prosedur yang hendak diikuti mengenai rayuan daripada tribunal kepada Mahkamah Tinggi.

**Kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi mengenai rayuan.**

44. (1) Apabila suatu rayuan dibuat di bawah bab 43, Mahkamah Tinggi boleh —

(a) membenarkan rayuan itu;

(b) menolak rayuan itu; atau

(c) menyerahkan perkara tersebut kepada tribunal dengan arahan-arahan sebagaimana yang difikirkannya patut yang boleh termasuk suatu arahan kepada tribunal bagi pendengaran baru.

(2) Apabila suatu rayuan dibuat di bawah bab 43, Mahkamah Tinggi boleh —

(a) membuat sebarang kesimpulan fakta; dan

(b) membuat suatu perintah tentang kos dan perbelanjaan sebagaimana yang difikirkannya patut, tetapi tidak boleh —

(i) membatalkan atau mengubah sebarang keputusan yang dibuat oleh tribunal mengenai persoalan fakta; atau

(ii) menerima keterangan lanjut.

(3) Suatu keputusan Mahkamah Tinggi di bawah cerai (1) adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada sebarang rayuan.

**BAHAGIAN VII**

**RAMPAIAN**

**Perintah tribunal adalah muktamad.**

45. Suatu perintah tribunal adalah muktamad dan mengikat semua pihak dalam prosiding di mana perintah itu dibuat dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab 43, tiada rayuan boleh dibuat berkaitan dengannya.

**Mengenepikan award atau perintah.**

46. (1) Sebarang award atau perintah —

(a) tribunal yang dibuat di bawah cerai (3) bab 27 atau cerai (1) bab 32;

(b) Pendaftar yang dibuat di bawah cerai (9) bab 17, cerai (3) bab 18 atau cerai (5) bab 20,

boleh, atas permohonan seseorang yang tidak puas hati dengan perintah itu, diketepikan oleh tribunal dan tribunal boleh membuat satu lagi perintah sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Suatu permohonan di bawah cerai (1) hendaklah dibuat dalam masa satu bulan selepas tarikh award atau perintah itu dibuat atau tempoh lanjut sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh tribunal.

**Penangguhan pelaksanaan setelah rayuan dibuat.**

47. (1) Suatu notis rayuan yang difailkan tidak boleh berkuatkuasa sebagai penangguhan pelaksanaan suatu perintah melainkan jika tribunal atau Mahkamah Tinggi, mengikut mana yang berkenaan, memerintahkan sebaliknya.

(2) Sebarang penangguhan pelaksanaan boleh tertakluk kepada syarat-syarat tentang kos, pembayaran ke dalam tribunal, pemberian jaminan atau pun selainya sebagaimana yang difikirkan patut oleh tribunal atau Mahkamah Tinggi.

**Faedah ke atas award.**

48. (1) Tribunal boleh memasukkan dalam amaun suatu award, faedah pada kadar yang dinyatakan dalam cerai (4) pada keseluruhan atau mana-mana bahagian jumlah yang dituntut, bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian tempoh antara tarikh apabila alasan tindakan timbul dan tarikh award itu.

(2) Kuasa-kuasa yang diberikan oleh cerai (1) boleh dijalankan —

(a) sama ada atau tidak faedah dituntut dengan nyata;

(b) pada bila-bila masa selepas tarikh award itu jika pada pendapat tribunal bahawa kegagalan untuk menuntut atau mengaward faedah adalah kerana kelalaian; dan

(c) jika suatu award dibuat terhadap defendan semasa ketiadaannya.

(3) Suatu award hendaklah dikenakan faedah pada kadar yang dinyatakan dalam cerai (4) pada amaun keseluruhannya atau sebahagiannya yang pada masa itu masih belum diselesaikan dari tarikh award itu sehingga penyelesaian.

(4) Kadar faedah yang dinyatakan bagi maksud-maksud cerai (1) dan (3) adalah pada kadar yang ditetapkan oleh Ketua hakim dengan notis dalam *Warta Kerajaan*.

#### **Pembayaran award.**

49. (1) Dalam suatu tuntutan bersama atau perwakilan amaun suatu award hendaklah dibayar kepada tribunal dan hendaklah diperuntukkan kepada pihak-pihak dalam tuntutan itu jumlah wang yang dituntut oleh tiap-tiap pihak menuntut atau orang yang diwakili.

(2) Apabila wang dibayar kepada tribunal oleh seseorang defendan, bagi menjelaskan sepenuhnya atau sebahagiannya suatu award yang dibuat terhadapnya dalam suatu tuntutan bersama atau perwakilan, defendan itu hendaklah dianggap telah menyelesaikan tanggungannya di bawah award itu setakat amaun yang dibayar itu dan tidak akan bertanggung terhadap mana-mana pihak menuntut tentang cara bagaimana wang itu diperuntukkan oleh tribunal.

#### **Penalti kerana mengabaikan saman saksi.**

50. (1) Mana-mana orang yang telah disampaikan dengan suatu saman di bawah bab 23, yang —

(a) enggan atau lalai, tanpa alasan yang mencukupi, hadir atau mengemukakan sebarang dokumen yang dikehendaki oleh saman yang akan dikemukakan; atau

(b) enggan mengangkat sumpah atau memberi keterangan,

hendaklah membayar suatu denda tidak melebihi \$500 sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh adjudikator.

(2) Seseorang yang dikenakan cerai (1) tidak boleh membayar suatu denda di bawah cerai itu melainkan jika telah dibayar atau diserahkan kepadanya pada masa penyampaian saman suatu jumlah wang yang munasabah berkaitan dengan perbelanjaannya termasuk sebarang kehilangan gaji atau upah.

(3) Mana-mana orang yang hadir di hadapan tribunal yang dikehendaki untuk memberi keterangan tetapi enggan mengangkat sumpah atau memberi keterangan hendaklah membayar suatu denda menurut cerai (1).

(4) Adjudikator boleh, atas budi bicaranya, mengarahkan bahawa keseluruhan atau mana-mana bahagian denda tersebut hendaklah, selepas memotong kos, digunakan bagi menanggung rugi pihak tercedera kerana keengganan atau kelalaian tersebut tetapi tanpa menjejaskan hak pihak tercedera itu untuk memulakan prosiding sivil berkaitan dengan kecederaan itu.

**Menghina tribunal.**

51. (1) Mana-mana orang yang —

(a) menyerang, menghina atau menghalang dengan sengaja seseorang adjudikator atau mana-mana saksi atau pegawai tribunal dalam masa persidangan tribunal atau ketika seseorang adjudikator, saksi atau pegawai dalam perjalanannya ke atau dari persidangan tersebut;

(b) menyerang atau menghina atau menghalang dengan sengaja mana-mana orang yang hadir dalam persidangan tribunal;

(c) mengganggu dengan sengaja atau pun selainnya berkelakuan tidak senonoh dalam persidangan tribunal; atau

(d) tanpa alasan yang sah tidak mematuhi sebarang perintah atau arahan tribunal (bukannya suatu perintah yang disebut dalam bab 38) dalam masa persidangan tribunal,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, bab 32 dari Akta Mahkamah Besar (Penggai 5) adalah dikenakan sekiranya adjudikator menjalankan kuasanya di bawah cerai (1).

**Kuasa adjudikator untuk menguatkuasakan pembayaran denda dll.**

52. Bagi maksud-maksud menguatkuasakan pembayaran sebarang denda yang dikenakan atau menguatkuasakan sebarang hukuman penjara, adjudikator hendaklah mempunyai kuasa-kuasa seorang hakim.

**Orang tidak boleh dihalang dari memfailkan tuntutan dalam mahkamah.**

53. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang seseorang itu dari memfailkan suatu tuntutan yang di bawah bidang kuasa tribunal dalam mana-mana mahkamah lain jika orang itu memilih untuk memulakan prosiding dalam mahkamah lain itu untuk mendengar dan memutuskan tuntutan itu.

**Ketua Hakim boleh membuat aturan-aturan.**

54. (1) Ketua Hakim boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk —

(a) mengawalselia amalan dan prosedur tribunal dan menguatkuasakan perintah-perintah tribunal;

(b) menetapkan perkara, termasuk bayaran atau kos yang dikehendaki oleh Perintah ini untuk ditetapkan; dan

(c) menetapkan perkara-perkara yang perlu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(2) Tanpa mengehadkan keluasan makna cerai (1), aturan-aturan yang dibuat menurut cerai (1) boleh mengadakan peruntukan bagi yang berikut —

(a) bentuk dokumen-dokumen yang akan dikeluarkan oleh tribunal dan pemeteraian dokumen-dokumen;

(b) bentuk dan isi kandungan dokumen-dokumen yang akan digunakan oleh pihak-pihak dan pihak-pihak yang dicadangkan, dan penyampaian dokumen dan pemberian notis oleh orang itu;

(c) tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan tribunal, Pendaftar dan pegawai-pegawai lain Pejabat Pendaftaran berkenaan dengan —

(i) penyampaian dokumen dan pemberian notis;

(ii) pelanjutan tarikh-tarikh pendengaran; dan

(iii) penangguhan prosiding;

(d) penarikan balik dan pindaan tuntutan;

(e) pemanggilan saksi dan pembayaran saksi dari dana awam atau pun selainnya;

(f) kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh, dan hukuman bagi, orang-orang yang enggan memberi keterangan atau mematuhi suatu saman kepada saksi;

(g) pemindahan prosiding dari sebuah mahkamah kepada tribunal dan dari tribunal kepada sebuah mahkamah;

(h) cara dan syarat-syarat yang di bawahnya rayuan boleh dibawa terhadap perintah-perintah yang dibuat oleh tribunal; dan

(i) mengawalselia dan menetapkan prosedur yang akan diikuti mengenai rayuan-rayuan dari tribunal kepada Mahkamah Tinggi.

**Prosedur pada amnya.**

55. Jika tiada peruntukan dibuat oleh Perintah ini atau aturan-aturan yang dibuat di bawah bab 54, amalan dan prosedur dalam tribunal adalah sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh tribunal, sama ada pada amnya atau dalam sebarang prosiding tertentu.

**Perlindungan adjudikator dll.**

56. (1) Adjudikator hendaklah mempunyai dan menikmati, pada menjalankan kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini, keistimewaan-keistimewaan dan perlindungan seperti yang dipunyai dan dinikmati oleh seseorang Majistret di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah (Panggal 6).

(2) Bagi mengelakkan keraguan tentang keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan adjudikator, pihak-pihak, wakil-wakil dan saksi-saksi dalam prosiding tribunal, adalah diisytiharkan bahawa prosiding tersebut adalah prosiding kehakiman.

(3) Keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang disebut dalam ceraihan (2) hendaklah diperluaskan dan dikenakan kepada —

(a) tribunal yang bertindak di bawah ceraihan (3) bab 31; dan

(b) seseorang yang memberi maklumat atau membuat sebarang pernyataan kepada Pendaftar atau tribunal pada bila-bila masa yang sedemikian.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 22 haribulan Ogos, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM